



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.JHR.100-1/6/1 (4)
Tarikh : 9 Januari 2023
16 Jamadil Akhir 1444H

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
JABATAN PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR**

YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI JOHOR
BIL. 2 TAHUN 2023 : PERMOHONAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN
PERAKAUNAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat pejabat ini rujukannya JANM.JB.(KP)/30 (41) bertarikh 9 Februari 2021 adalah juga berkaitan.

2. Sepertimana pihak YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum mulai 1 April 2020, bagi permohonan pemusnahan Rekod Kewangan Dan Perakaunan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di negeri, pihak berkuasa melulus Akauntan Negara Malaysia telah dipindahkan daripada Bahagian Pengurusan Audit Dalam JANM Ibu Pejabat kepada Pejabat Perakaunan Negeri. Perkara ini adalah bertujuan untuk memudahkan PTJ negeri mengemukakan permohonan pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan serta memastikan pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 150.

3. Sehubungan itu, bagi permohonan kelulusan pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan pihak YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan hendaklah mengemukakan ke pejabat ini dokumen-dokumen berikut:

- a) Borang Kewangan – Arkib 4/08
- b) Surat kebenaran/ sokongan daripada Arkib Negara Malaysia
- c) Surat kebenaran/ sokongan daripada Jabatan Audit Negara dan
- d) Surat kebenaran/ sokongan daripada SPRM/ Audit Dalam Kementerian/ lain – lain Agensi (jika berkaitan)

4. Pihak YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan juga adalah diingatkan untuk merujuk kepada Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan (JPRKP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Arkib Negara bertarikh 27 Disember 2007 dan Lampiran M kepada Arahan Perbendaharaan 150(i) untuk mendapatkan panduan tempoh minimum penyimpanan buku/ rekod kewangan dan perakaunan. Hanya permohonan pelupusan rekod yang dinyatakan dalam JPRKP Kumpulan 1 - Rekod Kewangan dan Perakaunan sahaja yang perlu

dimajukan kepada pejabat ini. Bersama – sama ini juga disertakan Borang Kewangan – Arkib 4/08 (**Lampiran A**) dan Senarai Akta dan Peraturan yang berkaitan (**Lampiran B**). PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pemusnahan rekod dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan yang diberikan oleh pejabat ini kelak.

5. Kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan dalam memastikan peraturan berkuatkuasa mengenainya dipatuhi. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi pegawai di Unit Naziran melalui telefon: 07-2249244 atau secara emel: naziran_jhr@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,




(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A.(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PERMOHONAN KELULUSAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN



MULAI 1 APRIL 2020

SELARAS DENGAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT BIL. 4 TAHUN 2019
DAN SURAT AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NO. RUJUKAN: JANM.BPAD.600-18/1/1(25) BERTARIKH 28 FEBRUARI 2020

**PENENTUSAHAN PEMUSNAHAN
REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN**

BUTIR-BUTIR JABATAN	
(1) Kementerian/Jabatan/Agensi :	(2) Bahagian/Cawangan/Unit:
MAKLUMAT MENGENAI PEMUSNAHAN	
(3) Kelulusan bagi Pemusnahan	
<ul style="list-style-type: none"> • Arkib Negara, No. Rujukan : • Audit Negara, No. Rujukan : • Akauntan Negara No. Rujukan: 	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh: Tarikh: Tarikh:
(4) Meter Panjang Rekod Yang Dimusnahkan:	
(5) Kaedah Pemusnahan (tandakan) :	
<input type="checkbox"/> dibakar <input type="checkbox"/> dirincih <input type="checkbox"/> dikitar semula <input type="checkbox"/> dipadamkan <input type="checkbox"/> dijual	
(6) No Resit (Jika Dijual):.....	
(7) Tarikh Pemusnahan :	(8) Tempat Pemusnahan:
PEGAWAI YANG MELAKSANAKAN PEMUSNAHAN	
(9) Nama Pegawai: Tandatangan : Jawatan:	(10) Nama Saksi: Tandatangan : Jawatan :
PENENTUSAHAN	
(11) Saya mengesahkan bahawa rekod di atas telah dimusnahkan dengan sewajarnya mengikut Seksyen 25 dan 26, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629] dan Arahan Perbendaharaan 150	
Nama Pegawai:	Tandatangan dan Meterai/Cap Jabatan:
Jawatan:	Tarikh:

AKTA DAN PERATURAN BERKAITAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

1. Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629);
2. Arahan Perbendaharaan (AP) 150;
3. Arahan Perbendaharaan (AP) 299;
4. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1997;
5. Surat Kementerian Kewangan KB557/97/54 Jilid. 4 (47) bertarikh 3 November 1993; dan
6. Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan (JPRKP) (Kumpulan 1 – Rekod Kewangan dan Perakaunan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Arkib Negara pada 27 Disember 2007.

